

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK JOSEPH SALANG ANAK  
GANDUM [JULAU]**

**TARIKH JAWAPAN : 11 JUN 2014 (RABU)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan sama ada Kementerian telah menjalankan kajian berkenaan kesesuaian sesuatu teknologi berbanding dengan yang lain dalam menjana tenaga boleh dibaharui.

## JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Kementerian ini sentiasa membuat kajian yang terperinci mengenai sesuatu teknologi penjanaan elektrik sama ada dari sumber tenaga konvensional mahupun sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB). Ini adalah bagi memastikan supaya sesuatu teknologi penjanaan yang dipilih itu adalah sesuai dengan keadaan Negara, boleh dilaksanakan dan memberi manfaat kepada semua.

Aspek-aspek yang diambilkira dalam menentukan teknologi penjanaan dari sumber TBB adalah samada;

- i) Sumber tenaga bagi menghasilkan tenaga elektrik boleh diperolehi di dalam negara dalam kuantiti yang diperlukan secara berterusan dan mapan;
- ii) Teknologi yang dipilih adalah matang, berdaya maju dari segi komersial dan terbukti sebagai teknologi yang berdaya maju dari segi teknikal;
- iii) Tempoh pulangan balik modal adalah bersesuaian dan boleh diterima oleh institusi kewangan untuk pembiayaan; dan

- iv) Wujudnya kepakaran tempatan (konsultan, atau institusi-institusi tempatan) yang mampu mengendali dan menyenggara system atau teknologi yang dipilih.

Sumber TBB yang telah dikenal pasti sebagai berpotensi dan boleh dilaksanakan di dalam Negara pada masa ini adalah tenaga solar, biomas, biogas, hidro kecil dan geoterma (di Tawau, Sabah).

Pada masa ini, Kementerian dengan kerjasama SEDA Malaysia sedang melaksanakan kajian bagi menentukan daya maju sumber TBB lain untuk dibangunkan iaitu, sumber angin dan geoterma. Hasil daripada kajian ini akan digunakan bagi menentukan teknologi TBB baru yang layak dipertimbangkan dibawah mekanisma Feed – in Tariff (FiT).

\*\*\*\*\*